

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD**  
**YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN NO. 430**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam meringankan bebanan kos sara hidup golongan nelayan, petani dan pekebun kecil yang sudah dipotong peruntukan bantuan subsidi mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan inisiatif yang boleh membantu golongan petani, pekebun kecil dan nelayan bagi meningkatkan hasil dan pendapatan mereka di samping meringankan kos sara hidup.

Bagi golongan petani dan pekebun kecil, di antara program pembangunan projek pertanian yang dilaksanakan bagi meningkatkan hasil dan pendapatan adalah seperti berikut:

- a) Projek Pembangunan Kluster Buah-buahan
- b) Projek Tanaman Semula Buah-buahan Terpilih
- c) Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran
- d) Projek Pembangunan Tanah Terbiar

Bagi mengurangkan kos sara hidup, Kementerian telah memperkenalkan program pertanian bandar bagi membantu menambah pendapatan petani dan seterusnya mengurangkan kos perbelanjaan petani.

## SOALAN NO : 430

Kementerian juga menyediakan kursus-kursus industri asas tani jangka masa pendek di Pusat-pusat Latihan Petani bagi membantu petani untuk menceburi bidang industri asas tani dan hiliran bagi menambah pendapatan petani.

Selain itu, bagi golongan nelayan pula, antara inisiatif bagi membantu mengurangkan kos sara hidup di samping meningkatkan pendapatan golongan nelayan adalah seperti berikut:

- (i) Mempelbagaikan ekonomi nelayan melalui penglibatan persatuan nelayan dalam rangkaian sistem *upstream* dan *downstream* perikanan serta aktiviti komuniti di bawah program myKomuniti Perikanan;
- (ii) Memperkasakan kemahiran nelayan tempatan melalui latihan pengendalian vesel dan alat penangkapan ikan bagi menguruskan kos operasi pembaikan vesel dan alatan secara layan diri (*self-service*);
- (iii) Menggalakkan keterlibatan nelayan di dalam aktiviti akuakultur secara kluster bagi meningkatkan nilai pengeluaran dan jaminan pasaran;
- (iv) Membangunkan aktiviti industri asas tani dan pemprosesan berasaskan produk perikanan bagi meningkatkan kedudukan ekonomi Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA);
- (v) Meningkatkan modal insan dan pendapatan Kumpulan Belia Nelayan (KUBENA) melalui aktiviti keusahawanan, agropelancongan dan perkhidmatan; dan
- (vi) Menggalakkan rangkaian pemasaran dan pengedaran hasil tangkapan ikan secara jualan terus kepada pengguna dengan memperkenalkan Program Ikan Sejuk Beku Q'Fish dan Program Jualan Ikan Segar bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.